

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH**  
**KAWASAN : BESUT**

**SOALAN NO. 165**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status semasa pelaksanaan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3) yang dijadualkan bermula pada bulan Ogos 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM35 juta dari Agensi Pusat pada bulan Julai 2019 yang lalu bagi melaksanakan Kajian dan Kerja-Kerja Awalan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) dan Menaik Taraf Jalan-Jalan Persekitaran untuk Tujuan Penyuraian Trafik. Skop Kajian dan Kerja-Kerja Awalan tersebut antara lain melibatkan penilaian semula jajaran, Kajian Impak Alam Sekitar (EIA), Kajian Penilaian Impak dan Sosial (SIA), Kajian Penilaian Trafik (TIA) dan kerja-kerja siasatan tanah dan pemetaan utiliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan skop Kajian dan Kerja-Kerja Awalan berkenaan akan ditender dan dimulakan secara berperingkat selewat-lewatnya sehingga bulan Disember 2020 ini. Ia akan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan. Sehubungan itu, pelaksanaan fizikal projek LPT3 akan ditentukan oleh Kerajaan setelah Kajian dan Kerja-Kerja Awalan ini disiapkan dan dibentangkan kepada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.